

# S. Kisona buru No. 20 dunia

**PETALING JAYA:** Pemain badminton profesional wanita negara, S. Kisona menyasarkan misi baharunya untuk menduduki tangga ke-20 dunia sebaik sahaja mengumumkan bakal beraksi semula selepas mengundur diri dari Persatuan Badminton Malaysia (BAM), Disember tahun lalu.

Atlet berasal Negeri Sembilan itu, optimis dengan matlamat tersebut, selari dengan kejohanan pertamanya sebagai pemain profesional di Terbuka Switzerland pada 25 Mac ini.

Kata pemain berusia 24 tahun itu yang kini berlatih dengan Kelab Badminton Zakri, di Sendayan sejak bulan lalu, dia belum mampu memberi sebarang sasaran dalam kejohanan itu namun dia menjanjikan persembahan berkesan bagi meyakinkan penaja baharunya, Matrix Concepts Holdings.

Ujar Kisona, antara perbezaan ketara bermain bersama kelab itu adalah dia perlu meningkatkan kelajuan permainan memandangkan dia merupakan satu-satunya pemain wanita di situ.

"Buat masa ini saya masih terlalu baru dengan jurulatih Zakri (Latif), saya tidak boleh cakap apa keputusan dalam perlawanan akan datang, tetapi saya boleh yakinkan mereka yang saya akan beri prestasi terbaik untuk mereka.

"Perjalanan saya sekarang di bawah jurulatih Zakri dan bekas pemain perseorangan lelaki, Arif Latif. Latihan berjalan dengan sangat baik, semua ahli pasukan saya lelaki. Jadi untuk saya seorang perempuan mengikut kelajuan pemain lelaki agak sukar pada awal-awal dahulu.

"Buat masa sekarang saya sangat letih tapi latihan kami sangat mantap. Saya rasa semakin yakin untuk beraksi semula di gelanggang. Daripada segi corak latihan, tak jauh berbeza antara jurulatih Zakri dengan BAM," katanya.